

# MEMPERBAIKI TARAF HIDUP

Soal pembahagian hidup dan iktisad sangat dipentingkan dalam agama Islam sebab soal ini sudah menjadi kelaziman yang tak mungkin dipisahkan daripada hidup tiap-tiap seorang manusia—seorang yang lahir mahu kepada makan. Rumah yang dapat ia berlindung dan pakaian yang dapat menahan daripada sejuk, panas atau basah, kering udara selepas daripada itu baharulah boleh dipindahkan kepada soal yang kedua seperti perkara kesempurnaan kemaliat atau selainnya. Kalau kita kembali mempelajari sejarah Islam perjalanan Nabi kita Muhammad (SAW) dan perjalanan dua khalifah Islam iaitu Abu Bakar dan Umar ibnu al-Khatab nescaya kita dapati bahawa soal pembahagian hidup dan jaminan seorang adalah menjadi soal pertama yang wajib diselesaikan kemudian baharulah dibentuk akibat Islam yang maha suci.

Oleh Hassan Soleh Kuliah al-Syari'ah al-Islamiah Mesir

Apa sebabnya dipentingkan soal ini padahal akibat pun tidak kurang juga daripadanya maka jawabnya senang sekali iaitu kebahagiaan masyarakat dan persaudaraan Islam tidak akan dapat dilaksanakan kalau separuhnya mati kelaparan. Dan separuhnya lagi mati kerana buncit perut sebab berbagai-bagai aneka warna makanan dan berbagai-bagai rupa itu dan ini. Di bawah ini saya akan kemukakan beberapa anggaran dasar Islam dalam memperbaiki taraf hidup samada berhubung seseorang atau umum.

1. Dasar yang pertama kekayaan wang tak boleh bertukar ganti dalam golongan orang-orang kaya sahaja. Dasaran ini sudah di naskhah dalam al-Quran "*Ki la yakun daulatu bainil ghaniya'amankum*" iaitu ini menerangkan perjalanan Rasulullah ketika baginda membahagikan harta rampasan Bani Al-Ansar kepada golongan kaum Al-Muhajirin dan tidak diberikan kepada golongan kaum Al-Ansar sebabnya golongan Ansar boleh dikatakan taraf hidup mereka lebih tinggi daripada ahli Mekah (Al-Muhajirin) keadaannya terlebih cuma

Nabi Muhammad membahagi juga kepada dua orang daripada golongan ini oleh kerana sifatnya sama dengan sifat Al-Muhajirin yang sungguh berhajat kepada bantuan. Padahal orang Ansarlah yang menolong di kala perpindahan, Dan membantu di masa kesusahan sepatutnya mereka mendapat hak juga seperti saudaranya tetapi Nabi kita tidak menurut siasah 'athifah (kasihan belas) malahan menurut siasah hakikat (fact) yang mengenai masyarakat Islam di masa itu, siasah menghampiri dalam bahagian hidup dan melaksanakan semboyan agama Islam yang berbunyi sama rata dan sama rasa duduk sama rendah berdiri sama tinggi, tindakan ini bukan bermakna menghilangkan hak milik atau melebihi satu puak di atas satu puak tetapi satu acara peri keadilan Islam yang suci.

2. Dasar yang Kedua Muslihat Am Islam memberi kuasa kepada pemerintah untuk menjaga muslihat umum jangan terhindar dan terganggu oleh satu halangan misalnya pemerintah berhak mengambil harta benda

orang kaya kadar lebih daripada hajat untuk dipergunakan seperti diperniagakan atau dibuka kilang-kilang perusahaan supaya tuan wang mendapat faedah dan rakyat jelata atau orang ramai dapat juga sama faedah dalam wang ini.

Harta ini bukanlah diambil dengan nama cukai atau sebagai hasil malahan semata-mata pertolongan menjaga muslihat am supaya iktisad Islam sentiasa subur, dan kekayaan tidak terkongkong dalam sejumlah yang kecil.

Dasaran ini bukan bererti membongkari hak milik yang diakui oleh Islam malahan satu ubat untuk menutup pintu di kala iktisad negeri sedang terugut dan muslihat sedang tergertak demikianlah adilnya siasah Islam yang lebih tinggi dari falsafah kemanusiaan yang berterang mengahpuskan hak milik.

### 3. Yang Ketiga Dasar Wasilah yang Menyampaikan kepada satu-satu Tujuan

Satu-satu tujuan tidak mungkin tercapai dengan tidak ada jalan yang menyampaikan umpamanya masyarakat tidak akan tenteram dan bahagia kalau hidupnya kucar kacir atau keadaan mereka sangat berbeza dengan saudaranya yang mempunyai satu aliran hidup maka wasilah yang menyampaikan keada tujuan itu tidak lain ialah dengan dihampirkan taraf hidup supaya masing-masing merasa berketanggungan dan merasa berharga dalam masyarakat dari itu baharulah tumbuh benih persaudaraan yang diagung-agungkan oleh Islam "*a'innama al-mu'minin ikhwat*".

### 4. Dasar yang Keempat Islam Membalas tiap-tiap Amalan

Seorang Menurut Harga Kerja dan Kepenatan.

Islam bukan agama yang memakan tidur-atau mengganggu malas bekerja sabda junjungan "*'isya ladunniyak k'annaka ta'basya 'abadan wa'isya la 'akhair tika ka'annak tamuta ngodha*" Demikianlah harga penat dan semangat bekerja yang telah diasuh oleh Nabi Muhammad Sallallahu'alaihiwasallam. Seorang yang

mempunyai harta. Mestilah mempergunakan hartanya yang lebih untuk maslahat am seperti diperniagakan atau sebagainya dan Islam tidak mengharuskan menggunakan harta itu kepada jalan yang tidak diakui oleh Islam seperti mereka beri pinjam wang itu dengan diambil faedahnya setahun sekian-sekian padahal ia duduk goyang kaki sahaja" jalan ini termasuk dalam nas Quran "*walata'kulu amwa lakum binakum bilbathif*"

Dasaran ini gunanya untuk mengelak dari hasad dengki dan mengelak dari penyakit kelas hidup yang berjauhan seperti mana banyak sekali berlaku di negeri kaum modal manakala seorang kaya millioner cukuplah goyang kaki di rumahnya dengan disimpan wang itu dalam SEA Bank bank dan ia menerima faedah bulanan atau tahunan. Ini sangat berlawanan dengan dasaran Islam yang menghargai tenaga manusia.

### 5. Dasar Yang Kelima Melarang Menahan Barang-barang Keperluan Am atau Menaikkan Harga Daripada Biasa.

Siasah taukeh-taukeh ataupun kaum modal menahan barang-barang keperluan hari-hari dijual kemudiannya dengan berlipatan ganda atau sengahaja menaikkan harga barang lebih daripada biasa sangat berlawanan dengan ajaran dan didikan Islam yang tinggi sebab faedahnya terkembali kepada tuan-tuan syarikat atau taukeh-taukeh yang tamak haloba yang segolongan kecil sahaja dalam masyarakat: Bahayanya amat terang terutama menimbulkan hasad dengki dan tingkatan hidup yang berjauhan bezanya.

### 6. Dasar Yang Keenam Segala Kekayaan yang Mengenai umum

Hendaklah dimiliki oleh Rakyat.

Kekayaan umum seperti perhubungan atau lain-lainnya hendaklah dimiliki oleh rakyat iaitu perkara ini dikias dengan air, udara, rumput, kayu api dan sebagainya sebagaimana yang telah di nas dalam hadith: Seorang menyoal

Nabi kita “*Mal syai’illazhi la yahlu min’ahu ya rasulullah*

*qala ‘ilma*” ertinya apakah benda yang tak boleh ditahan wahai

Rasulullah, sabda junjungan katanya air kemudian saya penyoal

menyoal lagi “*Mal syai’illazhi la yahlu min’atu ya rasul*

*allah qalal malah*: ertinya soal seperti dahulu juga

kemudian jawab Rasul “Garam demikianlah seterusnya.

Demikianlah saya paparkan misalnya dalam keadilan Islam yang

bukan sahaja Islam mengubati dalam beberapa jurusan

malahan dalam segenap jurusan hidup manusia. Dengan

ini teranglah bahawa satu agama yang tinggal untuk menyelesaikan

kekuasaan dunia hari ini.

7. Dasar yang Ketujuh Melarang Membuang Harta dengan

Sesia dan Bersedap-sedap Hidup Lebih daripada Had

Islam buksan satu agama yang menyuruh pemeluknya

zahid di dunia meninggalkan makan bagus

atau pakai bersih malahan Islam menyuruh pemeluknya bersedap-sedap

dengan nikmat sekira-kira jangan lebih dari batasan yang dihadkan

oleh rasa kemanusiaan dan budi pekerti yang baik

firman Tuhan, “*Ya bani adamu khazau zainatakum ‘inda kulli*

*masjidi wakullau washrabu walatashrafu innahu la yuhibbul*

*masrafina qalaman harama zinatalahullati akhraja li’ibadih*

*walthoibati minal razak? qalu hiyalillah na ‘amanu afil hayatil*

*dunya khalsotu yaumalqiamati kazhalika nafs al yatu liqaumi*

*ya’lamun*” Surah al-Araf.

Bersedap-sedap lebih dari had dan memberi harta benda sangat

ditegah dalam Islam kerana ini merosakkan bentukan jiwa tiap-tiap

seorang dan meruntuhkan semangat bekerja dalam masyarakat

maka sudah tentu masyarakat akan hancur lebur. Kalau mau

dalil lihatlah kepada pelajaran tarikh semenjak dijadikan

Allah dunia ini maka kelalaian dan bersedap lebih daripada had itulah

yang meruntuhkan sebuah kerajaan. Firman Tuhan lagi

“*wai’zha ‘ardhana a’annahlakal qura ‘amrina matarfihi fajasqawa*

*fiha fahaq alaihal qaula fid marna ha tadmira*.

8. Dasar yang Kelapan Melarang Menyimpan Wang

Dan Tidak Dipergunakan kepada Kepentingan Am.

Firman Tuhan “*wallazhina yakraunal zahaba fadhotu*

*wala yanfaqaunaha fi sabilillah fabassyrhum biazaba alima yauma*

*yahmi fi nawa hajnum fataku biha jabahum wajanu bahum*

*wazhohaurahum haza ma kanartum la’anfasikum fazarqawa ma kuntum*

*taknazauun*. Surah al-Taubah.

Menyimpan wang atau harta benda yang lebih seolah-olah menghalang

masalah orang ramai daripada kemajuan juga bererti

merosakkan iktisad, pertikaian dalam kalangan satu-satu bangsa

padahal datangnya Islam untuk mengumumkan keadilan dalam

masyarakat “*wama arsalna ka illa rahmatan lil’alamin!*” sekiranya

kalau seorang menyimpan wang kerana bakhil atau sayang takut

hilang mereka termasuk dalam nas Quran “*walaa taj’alu*

*yadaka makhluatu ila ‘anqak*” atau kerana semata-mata tak mahu

menjalankan pada jalan umum termasuk dalam tegahan Allah “

*wanfaqawa fi sabilillahi wala talqawa ba’dakum ilal tahlukah*.

Di sini boleh jadi menerbitkan pertanyaan daripada ahli

agama yang memandang selapis akan falsafah Islam iaitu apakah

salahnya kalau seorang yang menyimpan wang tadi menunaikan

zakatnya pada tiap-tiap tahun tidakkah ia sudah menunaikan

kewajipan Tuhan? Jawabnya di sana ada hadith yang terang

yang mana menjelaskan had simpanan dan menentukan perkara

yang disimpan supaya jangan termasuk dalam golongan

mereka yang menyimpan kekayaan sabda Nabi kita “*man jamaa*

*dinaari awdarhama awtabra awfadhotu wala ya’dhahu lagharyam*

*wala ni’faqahufi sabilillah fahuwa kanaziku bihi yawmulqiamahu*

hadith ini disebut oleh Qurthubi dalam tafsirnya.

9. Dasar yang Kesembilan Mebayasti di mana datangnya

Segala Kekayaan ini?

Pemerintah harus memerhati hal chwal kekayaan

rakyat dari mana datangnya-bagaimana caranya adakah dengan

halan halal atau jalan haram? Sungguhpun Islam agama

yang mengakui hak milik dan hak perseorangan tetapi

cara milik Islam mesti ikutkan! Iaitulah menurut cara yang diakui Allah dipandang baik dalam masyarakat kalau tidak harus bagai pemerintah merampas wang kekayaan untuk digunakan kepada kepentingan am.

Di sini dapattah kita menimbang di mana letaknya kedudukan agama Islam dengan dua aliran mazhab yang berlawanan sekarang komunisme dan kapitalisme. Islam bersatu dengan kapitalisme dalam mengakui hak milik cuma Islam berbeza cara memilik iaitu dengan jalan halal dan redha padahal kapitalisme tidak sangat memandang perkara ini. Islam berterang-terang melawan pandangan komunisme yang tidak mengakui hak milik seseorang dan memandang manusia adalah sebagai mesin untuk keperluan hidup: Sekarang nampaklah Islam mempunyai satu cara yang teristimewa menurut hikmah yang Maha Esa yang paling mengetahui akan muslihat manusia semuanya

#### 10. Dasar yang Kesepuluh “Zakat”

Dasar zakat ialah satu daripada beberapa cara memperbaiki taraf hidup dalam Islam seperti mana yang telah disebutkan di atas tadi dasar ini seringkali menjadi senjata bagi seteru Islam yang hendak membusukkan. Kejayaan agama mereka mengenakan Islam tidak ada jaminan hidup, Islam tidak luas dalam memperbaiki masyarakat selain daripada zakat yang difardhukan sahaja! Alangkah kecil dan sempitnya pandangan mereka terhadap Islam. Dalam menjawab soalan ini barangkali cukuplah dengan huraian yang diatas dan kita sebagai pengikut Islam tetap berpegang teguh kepada jalan dan cara agama kita dalam memperbaiki taraf hidup yang penuh dengan keadilan dan keamanan.

**BUNGA RAJAH PERFUME**

**YANG MENAWAN HATI  
AIR WANGI BUNGA RAJAH**

水香王花  
KING OF FLORAL  
STANDARD

**\$3.00**

**SEBOTOL**

**ROBINSON & CO., LTD.**  
RAFFLES PLACE — SINGAPORE

(Tertubuh di Singapura) Boleh didapati